

Kemampanan Pendidikan Malaysia semasa Era Pasca-Normal: Analisis Faktor, Kesan dan Tindakan dalam Isu-isu Pendidikan di Parlimen

The Sustainability of Malaysian Education during the Post-Normal Era: Analysis of Factors, Effects, and Action Issues in Malaysian Parliament

Muhammad Qhidir bin Mat Isa and Dr Zuraini Seruji***

Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis secara tematik isu-isu pendidikan dalam usaha Malaysia memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4: Pendidikan Berkualiti sepanjang era Pascanormal dalam konteks pendidikan. Kajian deskriptif kualitatif ini menggunakan instrumen Analisis Tematik Braun dan Clarke (2006) ke atas data teks 50 naskhah Penyata Rasmi Kamar Khas. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar isu pendidikan di Kamar Khas Parlimen adalah berkait dengan isu infrastruktur, diikuti oleh isu ketersediaan dasar dan keberkesanan program, isu bantuan kewangan kepada institusi pendidikan, serta dasar-dasar lain dalam pelbagai isu. Isu infrastruktur terbahagi kepada dua iaitu permintaan dan keperluan. Implikasi paling ketara mencirikan masalah kepadatan ialah bilangan kelas melebihi kapasiti bangunan sekolah, pengoperasian dua sesi, dan bilangan murid dalam kelas melebihi unjuran. Kerajaan didapati bersifat proaktif menerusi dua garis panduan untuk memenuhi permintaan dan keperluan berkait isu kesesakan. Tema isu pendidikan kedua paling ketara di Parlimen terkait

* Muhammad Qhidir Mat Isa merupakan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi UNIMAS. Munsyi Muda Jabatan Perdana Menteri dan Munsyi Dewan (Bahasa) (Sastera) Dewan Bahasa dan Pustaka. Pelajar Sarjana Pendidikan Sains Pembelajaran Universiti Malaysia Sarawak. E-mel: qhidirisa@gmail.gov.my.

** Dr. Zuraini Seruji merupakan Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar UNIMAS, Ahli Tetap Jawatankuasa Bahasa Melayu Malaysia dan Pegawai Fokal UNIMAS, Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi dengan kepakaran bidang Bahasa Melayu, Linguistik Terapan, Psikolinguistik, Semantik, Sintaksis dan Linguistik Sejarah Bahasa Melayu. E-mel: szuraini@unimas.my.

ketersediaan dasar dan keberkesanan program-program pendidikan khusus bagi segmen kelompok marginal iaitu Orang Asli, kanak-kanak orang kurang upaya (OKU), pelarian dan warga tanpa dokumen dengan kebanyakan usul berkait isu ini menyuarakan pelbagai halangan yang dihadapi untuk mencapai akses pendidikan berkualiti. Dampak utama isu ini menyebabkan keterpinggiran kehadiran pelajar ke sekolah mahupun mendapat pekerjaan. Kerajaan didapati mempunyai ketersediaan serta kejelasan dari segi dasar dan program bagi mengatasi isu-isu kelompok ini. Walau bagaimanapun, dasar Malaysia tentang pelarian didapati masih menjadi halangan utama dalam memberikan akses pendidikan kepada kelompok ini. Bilangan usul paling rendah adalah bertemakan sistem pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa – berkemungkinan mengindikasikan keperluan segera dan mendesak bagi menangani isu-isu lokal.

Kata Kunci: Parlimen Malaysia, isu pendidikan Pascanormal, kemampanan, inklusif, kesaksamaan, SDG, Orang Asli, pendidikan khas, warga tanpa dokumen

Abstract

The aim of this research is to conduct a thematic analysis of issues in the field of education in line with Malaysia's effort to achieve Sustainable Development Goal (SDG) 4: Quality Education throughout the Post-Normal phase. A descriptive-qualitative research design utilizing Braun and Clarke's (2006) thematic analysis instrument was used to analyze textual data of 50 Hansards from the Special Chamber. Findings showed that a significant portion of the issues in Malaysian education in Parliament post-COVID-19 is significantly related to the problem of infrastructure, followed by issues such as the availability of policies, effectiveness of programs, financial assistance afforded to educational institutions, and other policies on various issues. Infrastructure issues are divided into two: demand and need. The most obvious implications that indicating overcrowding problem are characterized by the number of classes exceeding the school's building capacity, the operation of two sessions, and the number of students in the class exceeding the projection. The government is found to be proactive in following two guidelines to meet each demand and overcome the overcrowding problem. The second most significant theme regarding the issue of education that was raised in Parliament is the availability of policies and the effectiveness of government programs conducted specifically for marginalized groups such as Orang Asli, disabled children, refugees, and

undocumented citizens, in which the vast majority of motions for this issue voice the various constraints faced in obtaining access towards quality education. The main effect of this issue is causing the marginalization of both school attendance and securing a job. The government was found to have the availability and clarity in terms of policies and programs to address the issues of this group. However, Malaysia's policies on refugees were found to still be a major obstacle in providing access to education for the group. The low number of motions made on the theme of Malaysia's education system at the international level may indicate an immediate need to address local issues.

Keywords: *Malaysian Parliament, post-normal education issues, sustainability, inclusiveness, equality, SDGs, Orang Asli, special educational needs, undocumented people.*

Pengenalan

Menurut Shamrahayu (2015), Ahli-ahli Parlimen, baik Kerajaan dan Pembangkang, membentuk institusi legislatif yang mempunyai tiga peranan utama iaitu: (i) mekanisme penyampai pendapat dan suara rakyat; (ii) penggubal dan pembahas undang-undang; dan (iii) mekanisme semak dan imbang ke atas pelaksanaan kuasa Eksekutif. Ketiga-tiga peranan dimainkan melalui beberapa saluran semasa persidangan antaranya pertanyaan-pertanyaan Parlimen, pengemukakan usul, rang undang-undang, mahupun melalui saluran Jawatankuasa Tetap Parlimen iaitu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Jawatankuasa Pilihan Parlimen.¹

Selain melindungi konsep *tripartite* melalui konsep 'Menteri bertanggungjawab kepada Parlimen atas tindakan kementerian masing-masing',² Parlimen turut menjadi medan wakil-wakil rakyat menyuarakan kesusahan, masalah dan ketidakadilan,³ serta kongres perundingan antara hujah-hujah pelbagai pihak.⁴ Pelbagai kajian telah membuktikan keberkesanan Parlimen sebagai platform untuk membawa

1 Mydin, N. M. B., & Sabaruddin, J. S. H. (2018). Suatu Kajian Perbandingan: Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan Oleh Menteri-Menteri Dan Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat (2018), 3(1), *Sains Insani*.

2 Ibid.

3 J. Blondel, *Comparative Legislatures* (New Jersey, Prentice-Hall, 1973).

4 J.S. Mill, *Considerations on Representative Government* (United Kingdom, Parker, Son and Bourn, 1861).

isu-isu rakyat, antaranya ialah Muhammad et al., (2024), Awal et al., (2021) dan Aziz et al., (2023).

Muhammad et al., (2024) menemukan keberkesanan ahli parlimen wanita sebagai 'aktor kritikal' mendepani ketekalan politik Malaysia yang bersifat patriarki.⁵ Meskipun tanpa *critical mass* dengan jumlah kumulatif hanya pada kadar 10.36%, kelompok ini membentuk suara sebanyak 57% dalam isu-isu wanita terutama isu ekonomi, pekerjaan, serta kebajikan kanak-kanak. Kajian korpus leksikal Awal et al., (2021) meneliti tentang isu-isu dikotomi penggunaan lexis *halal* dan *haram* dalam perbahasan Parlimen. Awal et al., (2021) mendapati, terdapat kearbitrarian penggunaan kedua-dua lexis dalam pelbagai isu seperti domain ekonomi, domain makanan, domain ubatan dan kosmetik, domain tenaga kerja, serta domain gaya hidup. Aziz et al., (2023) mengkaji tentang respons Ahli-ahli Parlimen semasa peristiwa pemisahan Singapura dari Malaysia. Kajian tersebut mendapati bahawa isu besar penyingkiran Singapura dari Malaysia berpunca daripada polarisasi ekonomi antara Singapura dan negeri-negeri lain, ancaman idea antinasionalisfeudal melalui gerakan *Malaysian Malaysia*, serta pengaruh propaganda media eletronik dan bercetak terhadap kepimpinan Tunku.⁶

Pun begitu, isu-isu di atas kebanyakannya diperoleh daripada sumber persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pada 16 Mei 2016, satu lagi persidangan dicadangkan namun bersifat tertutup, terkhusus, dan diasingkan daripada dua persidangan utama iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Persidangan yang dinamakan Kamar Khas ini diperkenalkan semasa tempoh Tuan Yang di-Pertua penggal ke-12, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Mulia yang mengabsahkan persidangan ini melalui keputusan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa tersebut pada 7 April 2015, meminda Peraturan Mesyuarat 13, 14, 16, 17, 18, 22, dan 24 serta memasukkan Peraturan Mesyuarat baharu iaitu 14A dan 24A Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, bagi membolehkan satu persidangan baharu berlangsung bersesama dengan persidangan Dewan Utama.

5 Azmi, Z. Discoursing Women's Political Participation Towards Achieving Sustainable Development: The Case of Women in Parti Islam Se-Malaysia (PAS), (2020) 38, *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*.

6 Aziz, H., Husin, H., & Noor, S. F. M. "Perbahasan Ahli Parlimen Malaysia Terhadap Usul Pemisahan Singapura Dari Persekutuan Malaysia", (2023), 52(1) *Malaysia dari segi Sejarah*.

Objektif Kamar Khas ditubuhkan untuk membahaskan dua jenis usul iaitu:

- (i) ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungan kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17;
- (ii) perkara tertentu berkepentingan orang ramai di bawah.⁷

Dari segi kuorum, persidangan mesyuarat Kamar Khas perlu sekurang-kurangnya dihadiri oleh tiga orang Ahli Dewan Rakyat iaitu Tuan Yang di-Pertua, seorang ahli yang mengeluarkan usul; dan seorang ahli kerajaan, yang akan menjawab usul yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen. Dari segi tempoh masa persidangan, Kamar Khas boleh bermesyuarat sebilangan masa yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua. Dari segi kepengurusan, mesyuarat Kamar Khas bersifat fleksibel iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 5, "*padabila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang Ahli mempengerusikan Kamar Khas buat sementara ...*".⁸ Ahli-ahli yang mempengerusikan mesyuarat mempunyai kuasa-kuasa setaraf Tuan Yang di-Pertua. Mana-mana Ahli Parlimen yang ingin membawa usul ke dalam persidangan ini, boleh mengemukakan usul sebagai Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 atau Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 18.⁹ Pada 27 Februari 2024, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sekali lagi meminda Peraturan Mesyuarat 16(1)(c) untuk membenarkan Perkara Tadbir Kerajaan yang disebut sebagai "Penerangan Oleh YB Menteri" di Jabatan Perdana dibenarkan untuk disampaikan di Kamar Khas.¹⁰

Hassan et al., (2022) berpandangan, penerapan elemen inklusiviti dalam Kamar Khas dilakukan antaranya dengan menangani permasalahan seperti bantahan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang melalui Peraturan Mesyuarat 18, yang tidak dapat dijawab oleh Menteri seperti kes Ahli Parlimen Tumpat.^{11 12} Kedudukan Kamar Khas adalah setaraf dari segi protokol dan status dengan *August House*.¹³ Konsep persidangan khas,

7 KKDR Deb 16 Februari 2016, Bil 1, 1-2.

8 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, PM 5.

9 Ibid.

10 KKDR Deb 27 Februari 2024, Bil 1, 15.

11 DR Deb 27 Mac 2014, Bil 12, 125.

12 M.F. Rashid, REFSA Briefing Paper 5 - Reformasi Parlimen: Tinjauan Tiga Tahun Penubuhan Kamar Khas di Malaysia (Kuala Lumpur, REFSA, 2020).

13 Ibid.

terhad, alternatif, dan berasingan daripada Dewan Rakyat membolehkan perbincangan berlaku secara berkesan dan paling penting, memberikan tempoh masa secukupnya kepada Ahli Parlimen untuk membangkitkan soalan dan dijawab juga dengan masa yang cukup jelas oleh wakil kementerian.^{14 15}

Menurut Hassan et al., (2022), pengenalan Kamar Khas yang diadaptasi daripada model *The Federation Chamber Parliament of Australia* ialah platform alternatif di bawah usaha Reformasi Parlimen selari dengan kehendak Matlamat SDG 16 iaitu Keberkesanan dan Kebertanggungjawab Institusi supaya berorientasikan inklusiviti, bermatlamatkan keamanan serta berkeadilan kepada semua.¹⁶ Ia juga merupakan sebahagian langkah Reformasi yang turut digerakkan dari pelbagai sudut antaranya peranan ahli politik veteran (Liew & Rashid, 2022) yang membawa kepada perubahan seperti pengenalan sistem Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (Saari, 2023) serta pengenalan Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan oleh Menteri-Menteri dan Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (Mydin & Sabaruddin, 2018).

Selain membentuk langkah-langkah Reformasi ke arah mencapai beberapa Matlamat Pembangunan Mampan, Parlimen turut merupakan platform terbaik bagi menilai keberkesanan program dan ketercapaian matlamat-matlamat tersebut oleh setiap negara. Dalam hal ini, Kostakis et al., (2024) mendapati, dalam pada penggubal dasar menumpukan kepada kemampuan dan kelestarian alam sekitar, isu lain di bawah kemampuan seperti partisipasi wanita sebagai penggubal ternyata masih perlu diberi perhatian.

Datta & Rabbany (2016) mendapati, Parlimen Bangladesh ialah institusi strategik menjuarai gagasan SDG dalam pelbagai bidang. Peranan Parlimen antaranya memastikan sumber kewangan bagi program-program SDG disalurkan dengan tepat, mencukupi dan digunakan secara berhemah, menyemak dasar-dasar sedia ada supaya selari dengan SDG, menjadi platform penilaian ketercapaian matlamat SDG oleh setiap agensi Eksekutif, menemukan ruang dan peluang kepada pelbagai agensi Esekutif untuk saling bekerjasama mencapai matlamat

14 Kamles Kumar. Parliament Convenes Special Chamber For First Time. *Malay Mail* (Kuala Lumpur, May 16, 2016).

15 Liew, C. T., & Rashid, M. F. M. Lim Kit Siang dan Reformasi Parlimen Malaysia: Lim Kit Siang and Parliamentary Reform. (2022), 2, *Journal of the Malaysian Parliament*.

16 Hassan, M. S., Hed, N. M., & Kamilan, I. H. (2022). Parliamentary Reforms and Sustainable Development Goals (SDG): The Way Forward For An Inclusive And Sustainable Parliament. (2022), 28(4), *The Journal of Legislative Studies*.

SDG, menyediakan ruang kepada partisipasi organisasi sivil, ahli akademik, pemain industri untuk bersama-sama menyumbang peranan dan paling utama, membentuk sinergi antara seluruh parti politik untuk menyumbang kepada ketercapaian matlamat SDG.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelompangan kajian-kajian Parlimen Malaysia dilihat amat aktif dalam usaha Reformasi Parlimen, terutama meletakkan institusi ini sebagai mekanisme semak imbang, prestasi bagi dasar dan program Kerajaan, didapati kajian-kajian-kajian sedia ada hanya menumpukan persumberan kepada sumber Dewan Negara, Dewan Rakyat dan prosiding Jawatankuasa Parlimen. Belum ada kajian meneliti keberkesanan Kamar Khas sebagai saluran alternatif mengangkat isu berkepentingan orang ramai, termasuklah isu pendidikan. Selain itu, sejak pengenalan Kamar Khas pada 16 Mei 2016 yang telah berjaya mempersidangkan ratusan isu berkepentingan segera dan berkepentingan awam, belum ada kajian yang meneliti keberkesanan Kamar Khas khusus dalam membincangkan isu-isu pendidikan.

Di samping itu, banyak kajian mengindikasikan bahawa wujud pelbagai masalah termasuklah isu-isu pendidikan yang mengubah sebahagian besar navigasi dasar, strategi dan program pendidikan di beberapa negara¹⁷¹⁸ termasuklah Malaysia. Pun begitu, didapati bahawa belum ada kajian yang membincangkan tentang isu-isu pendidikan dalam era Pasca-Normal, bersumberkan platform perwakilan rakyat tertinggi, iaitu Parlimen.

Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan Kamar Khas sebagai antara usaha Reformasi untuk menyuarakan dan menangani isu-isu pendidikan setelah era endemik.

Persoalan tersebut ingin dicapai dalam dua bentuk objektif iaitu;

- (i) mengenal pasti isu-isu pendidikan dan kaitan dengan kemampanan yang dibahaskan dalam Kamar Khas dalam tempoh pasca-COVID-19 Kamar Khas;
- (ii) menganalisis secara mendalam isu-isu pendidikan dan kaitan dengan kemampanan dari segi faktor, kesan, dan tindakan bagi menangani isu-isu yang telah dikenal pasti.

17 Block, T., Goeminne, G., & Van Poeck, K. Balancing The Urgency And Wickedness Of Sustainability Challenges: Three Maxims For Post-Normal Education. (2018), 24(9), *Environmental Education Research*.

18 Hauge, K. H., & Barwell, R. Post-normal science and mathematics education in uncertain times: Educating future citizens for extended peer communities. *Futures*, (2017), 91, *Futures*.

Kajian literatur

Kajian bertemakan Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (seterusnya SDG) dengan latar Parlimen Malaysia dilakukan oleh Hassan et al., (2022). Kajian ini meneliti peranan Parlimen Malaysia selaku institusi legislatif untuk berpartisipasi dalam ketercapaian matlamat SDG dari segi penggubalan dasar-dasar dan sebagai badan penyemak prestasi jabatan dan agensi kerajaan. Dari persoalan tersebut, terdapat tiga objektif dikenal pasti iaitu: (i) meneliti apakah peranan Parlimen sebagai institusi pempromosi Agenda 2030 dan SDG?; (ii) mengapa perlunya reformasi Parlimen; dan (iii) bagaimanakah SDG dicapai melalui dasar reformasi Parlimen? Reka bentuk kajian ialah kajian deskriptif kualitatif menggunakan instrumen analisis iaitu etnografi keparlimenan (*ethnography parliamentary*). Dengan instrumen tersebut, kajian ini mengumpulkan data-data berbentuk teks iaitu laporan daripada persidangan Parlimen yang menyentuh tentang tema Agenda 2030 dan SDG dari tahun 2019 hingga 2022 Dengan kaedah berkonsepkan etnografi keparlimenan, para pengkaji mengumpul data dengan cara memerhatikan perbincangan, forum, pertemuan formal dan tidak formal, serta temu bual antara Ahli Parlimen Kerajaan dengan media. Triangulasi data dilakukan dengan menganalisis teks primer iaitu Penyata Rasmi (*Hansard*), laporan prosiding Jawatankuasa Parlimen serta sumber sekunder daripada buku iaitu jurnal akademik dan penerbitan di laman sesawang jabatan dan agensi kerajaan. Data dianalisis secara tematik.

Dapatan utama kajian ialah Parlimen sebagai badan legislatif tertinggi mempunyai kedudukan paling strategik bagi mencapai Agenda 2030 dan SDG. Peranan utama yang boleh disumbangkan adalah dengan menjadi platform untuk melibatkan serta memfasilitasikan semua pemegang taruh baik agensi kerajaan, pertubuhan sivil, dan pakar bidang subjek terutama semasa menggubal atau meminda dasar atau rang undang-undang. Peranan ini berselari dengan SDG ke-16 dan ke-17. Kedua, penglibatan aktif Malaysia pada peringkat antarabangsa dengan menandatangani Deklarasi Universal tentang Demokrasi, menganggotai *Inter-Parliamentary Union*, serta *The Commonwealth Parliamentary Association* (CPA) – memerlukan negara segera mengimplimentasikan saranan Reformasi Demokrasi Global oleh CPA. Beberapa langkah strategik boleh dilakukan antaranya dengan meningkatkan peranan Pembangkang, menggubal polisi kebebasan memperoleh maklumat

Parlimen serta memberikan penekanan terhadap kualiti rang undang-undang diluluskan.¹⁹

Walau bagaimanapun, kajian Hassan et al., (2022), tidak meneliti secara mendalam peranan Kamar Khas sebagai platform isu-isu berkait SDG. Penelitian tema SDG dalam usaha berterusan reformasi Parlimen pula hanya diteliti dengan merujuk kepada Matlamat ke-16 dan ke-17, iaitu tentang peranan institusi dan kolaborasi global. Selain itu juga, kajian hanya menyebut tentang kaedah etnografi Parlimen tetapi tidak menyatakan instrumen yang digunakan dalam analisis tematik.

Manakala, kajian Abidin & Jan (2022) bertajuk "*A Pragmatic Analysis of Responses in Malaysian Parlimanetary Discourse*"²⁰ meneliti kemahiran navigasi isu dalam tema faktor, kesan, dan tindakan antara pihak kerajaan dengan pembangkang. Menerapkan tiga model utama disiplin Linguistik-Pragmatik iaitu *Framework of Respons* oleh Harris (1991), *Notion of Implicator* oleh Thomas (1995), dan *Dimension of Resistance* oleh Clayman (2001), kajian tekstual ini menumpukan kepada analisis kandungan (*content-analysis*) bagi menjustifikasikan fenomena kebahasaan iaitu "merespons" sebagai antara kaedah navigasi isu oleh Ahli-ahli Parlimen.

Mengguna pakai empat set dokumen Penyata Rasmi, kajian ini merumuskan bahawa terdapat tiga jenis pilihan merespons ketara yang diguna pakai oleh Kerajaan bagi menjawab soalan dalam beberapa isu oleh Pembangkang antaranya Jawapan Langsung (*Direct Answer*), Jawapan Tidak Langsung (*Indirect Answer*) dan yang paling menarik ialah pilihan ketiga, iaitu jenis respons yang dinamakan sebagai Jawapan Berhelah (*Evasive Answer*). Ketiga-tiga pilihan ini ada motif-motif distingtif yang menjadikan satu-satu opsyen adalah relevan bagi Menteri dan Timbalan Menteri semasa merespons kepada isu-isu diajukan. Antara pola yang dikesan adalah ketika berhadapan dengan isu kepentingan bumiputera, strategi Jawapan Berhelah sangat ketara digunakan berbanding Jawapan Langsung dan Jawapan Tidak Langsung.

Tuntasnya, Bahasa Berhelah (*Evasive*) berdasarkan kepada ketidakpatuhan (*non-observance*) kedua-dua model oleh Grice (1975) dan Clayman (2001;2012), didapati menjadi kaedah terbaik dalam menyoal dan menjawab isu-isu yang diutarakan oleh Ahli-ahli Parlimen. Bentuk-

19 Staddon, A. Recommended Benchmarks For Democratic Parliaments. Fourteenth Workshop Of Parliamentary Scholars And Parliamentarians (2019, Wroxton Papers, Oxfordshire July 2019).

20 N.Z. Abidin, & J.M. Jan, "A Pragmatic Analysis Of Responses In Malaysian Parliamentary Discourse" (2022) 4(2) *Journal Of Pragmatics Research*.

bentuk Bahasa Berhelah yang bertentangan Maksim-maksim Kerjasama Grice (1975) adalah seperti;

- (i) Mengelak jawapan berbentuk tindakan, tetapi hanya memberikan bujukan jaminan;
- (ii) Mengakui permasalahan tanpa ingin menangani isu berbangkit;
- (iii) Menyatakan langkah terdahulu telah diambil untuk menangani permintaan;
- (iv) Menolak kebertanggungjawaban kepada pihak lain; dan
- (v) Menolak total seluruh Prinsip Kerjasama Grice.

Walaupun kajian ini berhasil menemukan bentuk-bentuk Bahasa Berhelah dari segi gaya bahasa yang diamalkan oleh Ahli-ahli Parlimen, namun, ia tidak menjurus kepada pemahaman isu-isu yang diajukan dalam interaksi-interaksi yang berlaku.

Metodologi kajian

Reka bentuk kajian ialah deskriptif kualitatif. Data yang dianalisis pula merupakan jenis teks, iaitu 50 set Penyata Rasmi (*Hansard*) Kamar Khas. Cakupan isi kandungan perbahasan meliputi dua jenis usul yang berikut;

- (i) Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan [P.M. 17];
- (ii) Usul Perkara Tertentu Berkenaan Kepentingan Orang Ramai Yang Berkehendak Disegerakan Di Bawah P.M. 18(1)
- (iii) Penerangan Oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(1)(c):

Konsep Penyata Rasmi (*Hansard*) menurut May (2004)²¹ secara ringkas bermaksud; “*leaves nothing that adds to the meaning of the speech or illustrates the arguments*”. Oleh sebab itu, proses mengekstrak dan migrasi tajuk-tajuk usul dilakukan secara verbatim daripada korpus Penyata Rasmi.

Proses pengumpulan data diperoleh daripada laman sesawang Parlimen Malaysia, seksyen Penyata Rasmi Kamar Khas.²² Dokumen

21 T.E. May, *Erskine May's Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (23rd edn, Butterworths, LexisNexis UK, 2004).

22 Lihat <<https://www.parlimen.gov.my/hansard-dewan-khas.html?uweb=dr&arkib=yes>>.

ini terbuka kepada akses umum. Proses analisis data adalah dengan memuat turun Penyata-Penyata Kamar Khas yang mempunyai usul berkenaan pendidikan. Tajuk-tajuk berkenaan dikenal pasti dan dikategorikan kepada beberapa tema utama. Di bawah tema utama, pecahan lanjutan dikenal pasti dan dilakukan pengkelasan fasa kedua. Bagi objektif kedua, analisis kandungan (*content analysis*) dilakukan ke atas 23 dokumen Penyata-Penyata Kamar Khas untuk mengenal pasti data-data yang menjelaskan tentang faktor, kesan dan tindakan-tindakan oleh pihak kerajaan usul-usul yang telah dikenal pasti dan dikategorikan. Triangulasi data juga dilakukan dengan menyemak sumber-sumber sekunder seperti jurnal akademik, laporan akhbar, dan terbitan-terbitan agensi kerajaan. Data dibentangkan dalam bentuk jadual dan huraian.

Dapatan dan perbincangan

Tema-tema isu pendidikan dan kaitan dengan kemampanan Pasca-COVID-19

Jadual 1: Tema infrastruktur institusi pendidikan

Kluster	Tajuk Isu-isu Berkait Infrastruktur Institusi Pendidikan	Tarikh
Pembinaan	1. Cadangan Mewujudkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Jerantut	12/12/2024
	2. Status Sekolah Kebangsaan Chuping, Perlis	25/03/2024
	3. Merealisasikan TVET Tahfiz di Jerantut melalui ADTEC	19/03/2024
	4. Cadangan Mewujudkan Kolej Kemahiran Berasaskan Pertanian di Parlimen Parit Buntar	28/11/2023
	5. Cadangan Mewujudkan Sekolah Baharu Di Parlimen Paya Besar	16/11/2023
	6. Rancangan Membina atau Mengiktiraf Sekolah Sukan Kebangsaan di Sarawak	02/11/2023
	7. Pembinaan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Bandar Seri Botani	31/10/2023
	8. Isu Pendidikan di Parlimen Mersing	17/10/2023
	9. Keperluan Membina Politeknik Kota Belud, Sabah	15/06/2023
	10. Bangunan Baharu bagi SK Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, Melaka	07/06/2023
	11. Keperluan Membina Sekolah di Bandar Tasik Puteri dan di Kota Puteri	23/05/2023
	12. Status Pembinaan Bangunan SMK Nabalu	23/5/2023
	13. Peruntukan Kewangan Membina Semula Bangunan Gantian SK Jelai 2 (F) Gemas	06/10/2022
	14. Cadangan Membina Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Gemas, Negeri Sembilan	15/03/2022

Kluster	Tajuk Isu-isu Berkait Infrastruktur Institusi Pendidikan	Tarikh
Pembinaan	15. Apakah Status Sekolah Kebangsaan Danau Perdana yang Terbengkalai Lebih 16 Tahun di Taman Danau Desa di Kuala Lumpur	09/11/2021
	16. Cadangan Tapak Sekolah yang Baharu bagi Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Segamat	02/11/2021
	17. Pusat Latihan Berasrama bagi Archagar Tempatan	15/09/2021
	18. Pembinaan Sekolah Kebangsaan Baharu: SK Bukit Sentosa 2	16/12/2020
	19. Kelewatan Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Sungai Besi dan Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi, Semenyih	06/08/2020
	20. Peruntukan untuk Pembangunan Sekolah di Bukit Bendera	06/08/2020
	21. Cadangan Pembangunan Sekolah Menengah Sungai Paoh	27/07/2020
	22. Kelewatan Kelulusan bagi Cadangan Perpindahan Tapak SJK(T) Ladang Changkat Salak (ABD4116) ke Tapak Baru	20/07/2020
	23. Pembinaan Sekolah Kebangsaan Baharu: SK Bukit Sentosa 2	16/12/2020
	24. Peruntukan untuk Pembangunan Sekolah di Bukit Bendera	06/08/2020
	25. Cadangan Pembangunan Sekolah Menengah Sungai Paoh	27/07/2020
Penyelenggaraan	1. Bekalan Kerusi dan Meja untuk Sekolah-sekolah di Melaka Tengah	13/08/2020
	2. Jejantas Pejalan Kaki dan Motosikal di Hadapan Sekolah Kebangsaan Pusat Chabang Tiga	04/04/2023
	3. Baik Pulih Kerosakan Struktur Kantin Sekolah Kebangsaan Seri Kuala	06/11/2023
Dasar Infrastruktur	1. Jawatankuasa bagi Mengenal Pasti Sekolah Daif di Sabah	03/03/2022
	2. Keselamatan Pelajar di Pedalaman Sabah yang Berjalan Kaki ke Sekolah	26/06/2024

Daripada Jadual 1, tema infrastruktur merupakan isu yang paling kerap dibawa oleh ahli Parlimen ke Kamar Khas untuk dijawab secara khusus serta teliti dengan peruntukan masa yang sepadan oleh Menteri atau Timbalan Menteri. Kluster pembinaan menunjukkan kekerapan paling tinggi iaitu 30 kali dibawa berbanding 35 isu infrastruktur seperti penyelenggaraan dan dasar infrastruktur. Dalam kluster pembinaan, didapati permintaan paling ketara menjurus kepada pembinaan infrastruktur peringkat pendidikan asas iaitu sekolah rendah dan menengah. Selain itu, terdapat juga permintaan bagi institusi aliran

khas iaitu TVET, SBP, MRSM, pusat latihan kebudayaan, dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Selain prasana pendidikan asas, permintaan turut disuarakan bagi membina institusi peringkat pendidikan tinggi seperti politeknik dan kolej. Dari segi lokaliti, permintaan untuk membina institusi pendidikan berlaku baik bagi kategori Parlimen bandar mahupun luar bandar.

Masalah penyelenggaraan ialah masalah kedua tertinggi bagi kluster pembinaan dengan isu-isu seperti penyelenggaraan bangunan sebagai isu utama, selain isu-isu keperluan kelengkapan perabot. Didapati juga, di bawah kluster infrastuktur, ahli parlimen juga memohon penjelasan Kementerian Pendidikan dari segi tumpuan dasar serta pelaksanaan projek-projek bagi menangani masalah infrastrukur di negeri Sabah.

Jadual 2: Tema dasar dan program pendidikan

Kluster	Tajuk Usul Berkaitan Dasar dan Program Pendidikan	Tarikh
Dasar Kurikulum	1. Dasar Kerajaan Mengenai UEC	10/11/2020
	2. Perlukah Dua Aliran Berbeza, STPM dan Matrikulasi	18/11/2021
	3. Pedagogi Keusahawanan Menyinari Masa Depan Murid Berkeperluan Khas	10/03/2022
	4. Isu Keciciran dan Kegagalan Menguasai Pembelajaran Murid Orang Asli, Pulau Indah, Klang	15/03/2022
	5. Kualiti Pendidikan Prasekolah	24/03/2022
	6. Awal dan Rehabilitasi bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas	19/07/2022
	7. Penguasaan 3M (Membaca, Menulis & Mengira) untuk Pelajar di Parlimen Masjid Tanah	06/11/2023
	8. Akses Pendidikan Pelarian Palestin dan Lain-lain di Malaysia	30/11/2023
	9. Program Pendidikan Khas Integrasi	10/03/2022
	10. Perlaksanaan Dasar ‘Time-Based’ Wajib bagi Penyelenggara Sekolah	04/07/2024
	11. Peluang Pendidikan untuk Warga Tanpa Dokumen Sah	11/07/2024
	12. Pendigitalan Sistem Pendidikan	4/07/2024
Dasar Peperiksaan	1. Isu Pelajar Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan Keputusan 10A ke atas Gagal Mendapat Tempat di Matrikulasi	11/07/2024
	2. Masalah Calon Peperiksaan SPM 2021 Menghadapi Kertas Ujian Lisan dan Mendengar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Serta Kertas Amali <i>Chemistry</i> , <i>Physics</i> dan <i>Biology</i>	05/10/2021
	3. Memohon untuk Semakan Semula Mata Pelajaran Sejarah sebagai Subjek Wajib Lulus Peringkat SPM	20/07/2022

Kluster	Tajuk Usul Berkaitan Dasar dan Program Pendidikan	Tarikh
Dasar Pengajian Tinggi	1. Program Ijazah Sarjana Muda untuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan	07/12/2020
	2. Penambahan Program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan	07/12/2020
Dasar Lain-lain	1. Isu Pegawai Pendidik Terlibat dalam Video Politik	09/12/2021
	2. Kesejahteraan Kanak-Kanak dalam Tahanan di Depoh Tahanan Imigresen dan Program Rintis <i>Alternatives to Detention</i> (ATD)	08/12/2021
	3. Isu Kesalahan Jenayah: Kes Buli Zulfarhan Osman (UPNM)	25/11/2021
	4. Penawaran Latihan Guru Bahasa Kadazandusun di IPG Kent, Tuaran	06/10/2022
	5. Kes Kemalangan Maut Pelajar Sekolah Dilanggar Van Sekolah yang Dinaiki	25/07/2022
	6. Isu <i>Brain Drain</i> Khususnya di Negeri Johor	29/03/2023
	7. Inisiatif TVET Collaboration Hub (TCH)	15/11/2023

Isu dasar merupakan tema kedua tertinggi yang didapati kerap dibawa oleh ahli parlimen ke Kamar Khas. Berdasarkan Jadual 2, tema Dasar dan Program Pendidikan didapati mempunyai pola kerencaman isu di bawah tema ini berbanding tema Infrastruktur. Di bawah tema ini, terdapat empat kluster iaitu Dasar Kurikulum, Dasar Peperiksaan, Dasar Pengajian Tinggi serta Dasar Lain-lain. Berdasarkan hasil pengklusteran, didapati Dasar Kurikulum merupakan bentuk soalan yang paling ketara ditanya oleh Ahli-ahli Parlimen, diikuti oleh dasar-dasar dalam beberapa isu berbeza, dasar kerajaan dalam peperiksaan serta Dasar Pengajian Tinggi. Pola kerencaman dibuktikan dengan Ahli-ahli Parlimen didapati mengangkat usul yang menuntut penjelasan kerajaan tentang dasar dan program bagi menangani segmen marginal seperti Orang Asli, kanak-kanak OKU, pelarian Palestin, serta warga tanpa dokumen terkait soal pendidikan. Hal ini mengindikasikan bahawa wakil-wakil rakyat sedar akan pentingnya nilai inklusif dalam dasar dan program pendidikan.

Selain itu, pola kepelbagaian dimensi isu turut dikesan dengan melihat kepada kerencaman persoalan tentang dasar kerajaan terhadap isu integriti warga pendidik, isu buli, kebajikan kanak-kanak di depoh tahanan, latihan perguruan, kemalangan melibatkan pelajar TVET, serta respons kerajaan dari segi dasar berkaitan penghijrahan cendekiawan.

Jadual 3: Tema bantuan kewangan

Kluster	Tajuk Usul Berkaitan Tema Bantuan Kewangan	Tarikh
Bantuan Kewangan	1. Pemberian Geran Sekolah Agama Rakyat	09/12/2021
	2. Bantuan yang Diperoleh Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT)	08/12/2021
	3. Perkembangan Dana Khas RM30 Juta bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	25/11/2021
	4. Peruntukan untuk Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR)	06/10/2022
	5. Peruntukan Penyelenggaraan RM50 Juta untuk SJKC dan SJKT	25/07/2022
	6. Peruntukan RM50 Juta Bagi Penyelenggaraan SJKT	29/03/2023
	7. Peruntukan Utiliti untuk Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK)	15/11/2023

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa kebanyakan soalan diangkat di bawah tema Bantuan Kewangan berkait dengan permohonan bantuan kewangan bagi sekolah-sekolah vernakular seperti SJKT, SJKC, dan SBK. Hal ini dibuktikan dengan empat daripada tujuh usul di bawah tema ini berkait dengan bantuan aliran vernakular. Di bawah tema ini juga, terdapat permohonan daripada Ahli Parlimen terhadap isu peruntukan kewangan bagi IPTA dan IPTS seperti KUTR. Terdapat satu usul mengenai permohonan bagi sekolah aliran agama.

Jadual 4: Tema Permasalahan dalam Sistem Pendidikan

Kluster	Tajuk Usul Berkaitan Permasalahan Dalam Sistem Pendidikan	Tarikh
Permasalahan Lain-lain	1. Isu Kekurangan Guru	23/11/2023
	2. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Kolej Vokasional	16/11/2020
	3. Isu Akreditasi Penuh oleh MQA Kepada Program-program yang Ditawarkan di Kolej Vokasional	04/11/2020

Merujuk kepada Jadual 4, di bawah tema Permasalahan dalam sistem Pendidikan, terdapat tiga isu yang diutarakan iaitu kekurangan guru, masalah pedagogi bagi pelajar-pelajar di kolej vokasional, serta masalah akreditasi oleh agensi penarafan terhadap program-program yang ditawarkan oleh institusi TVET.

Jadual 5: Tema sistem pendidikan Malaysia pada peringkat global

Kluster	Tajuk Usul Berkaitan Sistem Pendidikan Malaysia pada Peringkat Global	Tarikh
Pendidikan Malaysia & Global	1. Laporan Bank Dunia Berkenaan Taraf Pendidikan di Malaysia	23/11/2023
	2. Solidariti Malaysia untuk Mahasiswa Palestin	16/11/2020

Merujuk kepada Jadual 5, didapati terdapat dua usul berkait dengan isu sistem pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Pertama ialah isu mengenai Laporan Bank Dunia iaitu *Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills*. Isu kedua pula berhubung peranan Malaysia dalam membantu kelompok mahasiswa Palestin yang belajar di Malaysia, dari segi kewangan dan kuota.

Isu-isu pendidikan dan kaitan dengan kemampanan dari segi faktor, kesan, dan tindakan

Isu infrastruktur institusi pendidikan: pembinaan

Kajian mendapati, isu infrastruktur merupakan isu yang paling ketara dan kerap dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen dalam platform Kamar Khas. Isu ini memberi pelbagai bentuk kesan kepada sekolah dan pelajar secara umumnya, contohnya, dalam kes lubang benam di SK Chuping.²³ Ketiadaan analisis risiko semasa fasa pembinaan akhirnya menyebabkan Jabatan Pendidikan Perlis terpaksa mewartakan sekolah Chuping sebagai lokasi tidak selamat dan menghentikan pengoperasiannya. Sekolah kemudiannya terpaksa memindahkan kesemua pelajar seramai 260 orang dari Sekolah Kebangsaan Chuping ke lokasi sekolah rendah berdekatan yang berkedudukan jauh iaitu perjalanan sehala hampir 3.5 kilometer. Implikasi ini menyebabkan ibu bapa menyuarakan bebanan mereka yang terpaksa menghantar jauh anak-anak dalam keadaan pendapatan mereka rata-ratanya tidak menentu kerana bekerja sendiri.

Kes SK Wira di Parlimen Paya Besar²⁴ menunjukkan kesan ketara masalah utama iaitu kelambatan penyediaan infrastruktur bahkan di kawasan luar bandar. Ketiadaan sekolah lain di kawasan padat menyebabkan berlakunya dua sesi bahkan menjadi *overflow*, kerana menjadi satu-satunya sekolah rendah bagi anak-anak kakitangan tentera dan masyarakat sebahagiannya.

²³ KKDR Deb 25 Mac 2024, bil. 16.

²⁴ KKDR Deb 16 November 2023, bil. 63.

Implikasi kelambatan penyediaan sekolah turut dilihat dalam kes di Parlimen Gopeng melibatkan SK Pengkalan, SK Taman Bersatu, SK Pengkalan Pegoh, SMK Pengkalan, SMK Seri Ampang, dan SMK Simpang Pulai²⁵ serta di Parlimen Mersing yang melibatkan SMK Ungku Hussin.²⁶ Keenam-enam sekolah di Gopeng didapati melebihi kapasiti struktur dan tenaga kerja apabila beroperasi dalam dua sesi dan melebihi bilangan bilik darjah sedia ada.

Manakala, SMK Ungku Hussin yang merupakan satu-satunya sekolah di daerah Endau, perlu menampung 1,098 orang pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 serta memiliki 106 orang guru. Sama seperti kes di Parlimen Gopeng, sekolah ini terpaksa beroperasi dengan dua sesi.

Antara isu kelambatan pembinaan sekolah paling substantif ialah kes SMK Nabalu, Tuaran.²⁷ Menurut Ahli Parlimen Tuaran, gesaannya untuk membina sekolah menengah ini telah disuarakan hampir 13 tahun bermula pada Parlimen ke-11, tahun 1999. Hanya pada tahun 2012, Parlimen ke-13, projek tersebut diluluskan untuk pembinaan. Namun kajian geofizik di bawah Analisis Impak Alam Sekitar (EIA) mendapati kawasan sekolah berada di atas garisan *live seismic fault line*. Hal ini mengakibatkan projek pembinaan SMK Nabalu tertangguh lagi selama 5 tahun dan hanya diluluskan dalam RMK-12 RP 3 pada tahun 2023.

Berdasarkan analisis laporan, pembinaan sesebuah infrastruktur pendidikan terbahagi kepada dua sebab iaitu faktor permintaan dan keperluan. Kes di Parlimen Jerantut,²⁸ Parit Buntar,²⁹ Kota Belud,³⁰ dan Kuching³¹ merupakan kes yang di bawah melalui usul P.M. 17 dalam bentuk permintaan. Ketiga-tiga Ahli Parlimen mengemukakan usul permintaan kepada masing-masing Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian untuk membina institusi pendidikan bertaraf MRSM, SBP, pembukaan Tahfiz di kolej latihan vokasional, penaiktarafan menjadi Sekolah Sukan Nasional, dan Pusat Giat Mara di Parit Buntar. Rasionalisasi permintaan-permintaan ini rata-ratanya bersifat sosial dan ekonomi setempat. Contohnya, Ahli Parlimen Jerantut berhujah bahawa saiz Parlimen Jerantut sebagai yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Selain itu, prestasi pelajar-pelajar Jerantut turut menunjukkan prestasi

25 KKDR Deb 31 Oktober 2023, bil. 54.

26 KKDR Deb 17 Oktober 2023, bil. 46.

27 KKDR Deb 23 Mei 2023, bil. 31.

28 KKDR Deb 12 Disember 2024, bil. 67.

29 KKDR Deb 28 November 2023, bil. 69.

30 KKDR Deb 15 Jun 2023, bil. 40.

31 KKDR Deb 2 November 2023, bil 56.

akademik yang memberangsangkan bahkan pada peringkat nasional. Selain MRSM dan SBP, beliau turut memohon penyegeraan pembukaan kolej TVET Tahfiz ADTEC. Ujarnya, terdapat 17 buah Maahad Tahfiz di Jerantut yang memerlukan institusi pendidikan lanjutan apabila pelajar-pelajar ini menamatkan pengajian mereka.

Ahli Parlimen Kuching pula mengemukakan usul kepada Kementerian Pendidikan supaya Sekolah Menengah Kebangsaan Tabuan Jaya diangkat, diiktiraf, dan ditukarkan kepada Sekolah Sukan Kebangsaan. Ujarnya, meskipun Sarawak merupakan negeri terbesar, namun Sarawak tidak mempunyai Sekolah Sukan Kebangsaan sementara SMK Tabuan Jaya hanya diiktiraf sebagai Sekolah Sukan Negeri. Permintaan pembinaan infrastruktur juga boleh berpunca daripada pembatalan projek. Isu ini merujuk kepada permintaan Ahli Parlimen Kota Belud yang memohon kerajaan untuk menyegerakan kembali pembinaan Politeknik Kota Belud yang sebelumnya telah diumumkan akan dibina di bawah peruntukan *Rolling Plan 3* Rancangan Malaysia Ke-11, namun telah dibatalkan pada bulan Ogos 2018.

Pembinaan infrastruktur pendidikan disebabkan oleh keperluan adalah paling ketara berpunca daripada isu pertambahan penduduk yang tentunya menyebabkan berlakunya kepadatan di sekolah-sekolah sedia ada. Isu yang paling banyak ditimbulkan ini pernah disuarakan oleh Parlimen Gambang,³² Parlimen Selayang,³³ dan Parlimen Gopeng.³⁴ Masalah di Gambang merujuk kepada isu kepadatan di daerah Lepar. Dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Gambang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota perlu menampung kawasan yang meliputi 14 lokaliti perumahan yang berkapasiti seramai 25,000 orang penduduk. Ahli Parlimen Paya Besar menyuarakan kebimbangan sekiranya masalah kepadatan di kedua-dua sekolah tersebut adalah berpunca daripada kegagalan komunikasi dan kordinasi antara agensi-agensi kerajaan dalam memantau pemaju swasta, merujuk kepada Pelan Bandar Baharu Paya Besar 2030. Beliau juga berpandangan, mekanisme kawalan pendaftaran untuk kemasukan pelajar dalam satu-satu sekolah didapati tidak berkesan.

Masalah kepadatan pastinya paling ketara berlaku di kawasan bandar. Ahli Parlimen Selayang antaranya pernah menyuarakan masalah yang dihadapi di Kota Puteri dan Bandar Tasik Puteri yang

32 KKDR (n 24), 9.

33 KKDR Deb 23 Mei 2023, bil. 31.

34 KKDR Deb 15 Jun 2023, bil. 40.

mempunyai kepadatan penduduk amat tinggi dan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Berdasarkan unjuran statistik, pertambahan pendudukan dijangka akan melebihi 50,000 menjelang tahun 2030. Meskipun berpopulasi setengah juta orang, hanya terdapat satu sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puteri – satu-satunya sekolah menengah di Bandar Tasik Puteri. Kapasiti sekolah ini ialah 46 buah bilik darjah meliputi 2,510 orang pelajar. Sama seperti kes Paya Besar, sekolah ini telah bertahun-tahun beroperasi secara dua sesi.

Bagi kawasan yang masih belum terjejas, terdapat permintaan untuk kerajaan mengadakan mekanisme pencegahan. Isu ini diutarakan oleh Ahli Parlimen Gopeng yang menyuarakan kebimbangan mengenai syarat pembinaan sekolah baharu yang baginya, hanya bertindak apabila sudah terlewat.³⁵ Semasa Bandar Seri Botani mempunyai 30,000 orang penduduk, meskipun masih belum mencapai tahap kritikal, namun Ahli Parlimen Gopeng pernah memohon perhatian Kementerian Pendidikan tentang kemungkinan kesesakan berlaku bagi sekolah-sekolah di bawah Parlimen ini.

Faktor keperluan membina infrastruktur lain yang antaranya disebabkan oleh ancaman keselamatan seperti kes lubang benam turut berlaku di SK Chuping.³⁶

Dari segi respons terhadap isu permintaan infrastruktur pendidikan, dasar dan tindakan kerajaan bersifat membantu berdasarkan keselarian dasar dan kapasiti sumber kerajaan. Hal ini dilihat dalam kes permintaan kolej TVET Tahfiz ADTEC.³⁷ Memenuhi permintaan yang selari dengan Pelan Pembangunan Tahfiz TVET 2023-2025, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia memberi komitmen akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak yang bertanggungjawab sama seperti proses yang dilakukan oleh pelaksanaan TVET Tahfiz di mana-mana institusi latihan Jabatan Tenaga Manusia, misalnya di Institut Latihan Perindustrian Selandar, Melaka atau di ADTEC Jerantut.

Namun, terdapat permintaan yang ditolak kerana tidak selari dengan dasar pembinaan sekolah. Misalnya, dasar penempatan murid ke SBP tidak tertakluk kepada lokaliti dan murid boleh juga ditempatkan di negeri atau daerah yang berhampiran. Bagi usul Ahli Parlimen Jerantut, kerajaan memberi jawapan yang komprehensif iaitu dari segi kejelasan dasar dan dapatan statistik. Jawapan tersebut dibantu oleh statistik iaitu

35 KKDR Deb 31 Oktober 2023, bil. 54.

36 KKDR (n 23) 7.

37 KKDR (n 38).

pada sesi Akademik 2024/2025, terdapat 280 permohonan ke SBP yang terdiri daripada murid daerah Jerantut. Daripada jumlah tersebut, 64 orang murid telah ditawarkan ke SBP.

Kerajaan juga menolak pembinaan Pusat Giat MARA baharu merujuk kepada usul Parit Buntar.³⁸ Hal ini kerana, terdapat lima buah pusat bertauliah di sebelah utara yang menawarkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dan sijil pertanian iaitu Kolej Pertanian Malaysia (KPM) dan *MADA Rice Training Centre* (MRTC) di Kedah, Institut Pertanian Bumbung Lima (IPBL) di Pulau Pinang, serta Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (KPSN) dan Institut Pertanian Titi Gantung (IPTG) di Perak. Dasar kementerian adalah perlu memastikan pengisian pelatih mencapai kapasiti optimum memandangkan kerajaan perlu menanggung pelbagai kos operasi pusat bertauliah. Kejelasan jawapan kerajaan turut dibantu oleh data statistik iaitu kerajaan perlu menampung sebanyak RM1.8 juta, emolumen RM4.8 juta, serta kos utiliti RM1.7 juta setahun bagi pengoperasian bagi pusat bertauliah di bawah KPKM.

Di samping itu, terdapat juga bentuk respons yang meskipun tidak dapat memenuhi kehendak utama, tetapi cuba memenuhi dalam keperluan lain. Contohnya, permohonan Ahli Parlimen Kuching untuk menaik taraf SMK Tabuan Jaya menjadi Sekolah Sukan Kebangsaan ditolak. Namun, pihak JPN Sarawak sedang membuat penelitian dan perancangan terhadap aspek logistik, keperluan asas, dan keluasan tanah bagi memenuhi keperluan pelan jangka masa panjang sebuah Sekolah Sukan Malaysia. Keperluan-keperluan logistik yang dibiayai antaranya menaik taraf trek sintetik lapangan lorong yang memenuhi spesifikasi *World Athletic Organization*, menaik taraf padang bola sepak *cow grass* memenuhi spesifikasi *Federation of Internationale Football Association* (FIFA), menaik taraf gelanggang sukan serba guna berbumbung, menaik taraf dewan sukan tertutup, dan menaik taraf astaka sukan.

Bagi menangani isu infrastruktur berbentuk keperluan, tindakan kerajaan terbahagi kepada mitigasi dan pencegahan. Untuk membina sekolah baharu, mekanisme utama yang diadaptasi oleh Kementerian Pendidikan ialah "*analisis keperluan secara terperinci dengan mengambil kira bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan (catchment-area), serta perancangan pembangunan berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi sesebuah kawasan.*"³⁹

38 KKDR (n 29) 14.

39 KKDR Deb 15 Mac 2022, bil. 9.

Di samping itu, kementerian sering menekankan aspek prosedural berkait dengan permohonan sekolah. Tegas kementerian, peruntukan dana pembinaan atau penyelenggaraan adalah berdasarkan keperluan (*need-based*). Keperluan ini perlu dikemukakan oleh sekolah kepada KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Tambahan, bagi permohonan pembinaan sekolah, aspek yang paling sering ditekankan oleh Kementerian Pendidikan ialah kelulusan permohonan pemilikan tanah kepada pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang bergantung kepada pihak berkuasa negeri. Permohonan pembinaan bangunan SK Chuping baharu hanya akan dikemukakan oleh KPM dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun setelah selesai urusan pengambilan tanah selesai.

Namun, bagi kes luar jangka bencana alam seperti isu SK Chuping,⁴⁰ kementerian menyatakan telah mengambil tindakan mitigasi proaktif melalui Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dengan mengadakan tiga siri penerangan berkenaan penempatan sementara pada tahun 2021. Dari segi peruntukan, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM50,000 bagi penyelenggaraan kerosakan *booster pump*, lampu, kipas, pintu bilik darjah, dan kerosakan alat permainan prasekolah. Sekolah yang sama turut telah menerima Dana Penyelenggaraan Kecil Institusi Pendidikan 2023 untuk penyelenggaraan khas tandas sebanyak RM70,000.

Isu kepadatan dan diskribusi sekolah antara yang dapat menggambarkan isu infrastruktur sekolah. Mekanisme utama kerajaan ketika menguruskan isu kepadatan pelajar adalah dengan “*mengadakan langkah-langkah seperti mengawal pendaftaran murid di sesebuah sekolah, penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak serta pembinaan sekolah baharu*”.⁴¹ Antara panduan penting untuk membina sekolah baharu adalah Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Kementerian Ekonomi selain faktor kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Dalam isu ini, pertama, mungkin terdapat perbezaan pemahaman tentang kesesakan sekolah antara Ahli-ahli Parlimen dan kerajaan. Dalam kes Parlimen Gambang, kementerian mendapati sekolah-sekolah dinyatakan kesemuanya masih lagi beroperasi secara satu sesi. Tambahan, berdasarkan data kapasiti sekolah KPM, sekolah menengah sedia ada di kawasan Gambang masih berupaya untuk menampung keperluan

40 KKDR (n 23) ms 8.

41 KKDR Deb. 16 November 2023, bil. 16.

dan penambahan enrolmen murid. Walau bagaimanapun, kerajaan bersetuju dengan kekusaran yang ditimbulkan iaitu kemungkinan dalam jangka masa panjang akan berlaku penambahan berganda taman-taman perumahan Parlimen Gambang.

Kerajaan memberikan jawapan dengan menyatakan tindakan proaktif telah diambil iaitu mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang untuk meneliti keperluan dan mengenal pasti cadangan awal tapak bagi pembinaan sebuah sekolah menengah baharu di kawasan tersebut. Tindakan proaktif ini juga dilihat dengan penegasan kelulusan pembinaan di Sekolah Kebangsaan Gambang dengan 12 bilik darjah, pusat sumber, bilik-bilik khas dan lain-lain kemudahan di sekolah tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 1* Tahun 2021.

Meskipun begitu, didapati tindakan-tindakan kerajaan dalam menyelesaikan isu kepadatan pelajar sering mendapat kritikan dari segi kerelevanan. Contohnya, Ahli Parlimen Paya Besar menyuarakan teguran kepada kementerian kerana SMK Gambang realitinya terletak jauh dari SMK Lepah Hilir iaitu kira-kira 14 kilometer.

Jawapan kerajaan dalam isu Politeknik Kota Belud Sabah menunjukkan bahawa cabaran dalam isu infrastruktur pendidikan adalah terdedah kepada perubahan dasar kerajaan. Meskipun Politeknik Kota Belud telah diluluskan dalam *Rolling Plan 2*, tahun 2017, Rancangan Malaysia Kesebelas tahun 2017 dengan kos projek berjumlah RM80 juta, namun projek ini dibatalkan dengan arahan Kementerian Kewangan pada 29 Jun 2018. Perubahan dasar ini membatalkan sebahagian besar perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melalui tender terbuka, tender terhad, serta tender runding terus yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST). Dasar baharu ini menuntut kementerian atau agensi membuat penilaian keutamaan perolehan dan mengadakan sesi libat urus dengan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

Dasar baharu tahun 2018 ini menekankan penilaian keutamaan perolehan berdasarkan tiga kategori iaitu:

- (i) Kategori A – kritikal;
- (ii) Kategori B – sederhana kritikal; dan
- (iii) Kategori C – tidak kritikal.

Berikutan dasar baharu ini, Kementerian Pendidikan Tinggi pada 16 Julai 2020 telah mengemukakan permohonan untuk melaksanakan semula projek yang telah dibatalkan kepada Kementerian Ekonomi.

Namun, permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan selaras dengan Surat Arahan Kementerian Kewangan pada 2018. Dasar baharu tersebut menegaskan bahawa rancangan sesuatu projek pembangunan baharu perlu selaras dengan Rancangan Fizikal Negara, rancangan struktur negeri, dan rancangan tempatan yang sedang berkuat kuasa.

Isu dasar dan program pendidikan

Berdasarkan analisis kandungan yang dijalankan, didapati Kamar Khas dijadikan platform untuk menyuarakan cabaran paling utama yang dihadapi oleh Murid Berkeperluan Khas (MBK) iaitu peluang pekerjaan.⁴² Ahli Parlimen Sungai Siput menyatakan, setelah mereka tamat sekolah menengah khususnya untuk MBK kefungsian rendah, peluang pekerjaan untuk individu berkeperluan khas sering disalahertikan sebagai satu amal jariah. Ahli Parlimen tersebut mengemukakan bahawa masalah yang dihadapi oleh kelompok ini antaranya ialah mereka sering dianggap kurang produktif disebabkan ketidakupayaan yang dihadapi. Lebih parah, sejak awal lagi, MBK kefungsian rendah sangat ketinggalan daripada rakan-rakan sebaya yang lain.

Ahli Parlimen Klang pula mengetengahkan isu dasar dan program berkait kelompok Orang Asli Mah Meri di kawasan Klang.⁴³ Menurut beliau, di Klang, terdapat 90 buah keluarga Mah Meri yang didapati ketinggalan terutama ketika pandemik COVID-19. Keadaan ini diperkukuhkan dengan semakan data Semak Slip Peperiksaan Pelajar (SAPS) yang mendapati mendapati potensi kadar keciciran dalam kalangan kanak-kanak Orang Asal di Pulau Indah adalah pada kadar 30.2% di sekolah rendah dan 69.8% bagi pelajar sekolah menengah. Angka ini ujar beliau lagi, jauh lebih tinggi daripada keciciran negara bagi Orang Asli iaitu 17% pada 2017 yang dinyatakan oleh JAKOA. Dalam usul beliau, turut disebut berkenaan jumlah 89 orang kanak-kanak yang bersekolah hanya berjaya melepasi kesemua tiga mata pelajaran teras manakala yang lain masih gagal dalam mata pelajaran tersebut.

Platform Kamar Khas turut digunakan untuk mendapatkan penjelasan kerajaan berkenaan dasar pendidikan terhadap kalangan warga tanpa dokumen.⁴⁴ Ahli Parlimen Bakri dalam usulnya menjelaskan bahawa kelompok marginal ini tidak mempunyai pilihan lain untuk pergi

42 KKDR Deb 10 Mac 2022, bil. 7.

43 KKDR Deb 15 Mac 2022, bil. 9.

44 KKDR Deb 2 Disember 2024, bil. 60.

ke mana-mana tempat lain selain dari Malaysia. Tegasnya, mereka dilahirkan serta dibesarkan di sini dan Malaysialah satu-satunya tanah air yang mereka kenali. Sekiranya kerajaan tidak mempunyai dasar jelas tentang pendidikan bagi warga tanpa dokumen, perkara ini dikhuatiri menafikan hak mereka untuk mendapat pendidikan yang seterusnya serta menambah masalah sosial yang lebih besar pada masa akan datang.

Isu berkenaan dasar pendidikan turut melibatkan pertanyaan mengenai dasar kerajaan dalam pemberian sijil tamat sekolah bagi pelarian Palestin.⁴⁵ Jelas Ahli Parlimen Sik, daripada seramai 46,570 orang kanak-kanak pelarian, hanya 30% daripada mereka yang menerima pendidikan sempurna. Ahli Parlimen Sik menggesa agar pelarian Palestin dan lain-lain akses pendidikan mengiktiraf hak asasi manusia mereka untuk memperoleh pendidikan tanpa mengira latar belakang atau status mereka. Jelasnya, pendidikan membantu pelarian membangunkan identiti dan kemandirian serta meningkatkan keupayaan mereka mengatasi cabaran kehidupan.

Ketersediaan dasar dan program oleh Kementerian Pendidikan terhadap komuniti Orang Asli amat signifikan kerana, usul yang dikemukakan itu menyuarakan pelbagai halangan yang dihadapi terutama oleh ibu bapa perkampungan Orang Asli di Pulau Indah seperti kesukaran untuk memiliki komputer riba atau telefon bimbit untuk meneruskan pembelajaran di rumah. Kos memiliki komputer riba yang berharga RM1,000 dan ke atas pastinya tidak mungkin untuk keluarga ini. Kelajuan internet yang perlahan dan ciri atau ruang yang terhad dalam telefon memberi lebih tekanan kepada anak-anak Orang Asli di sini untuk meneruskan pendidikan dalam talian. Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2021 telah mengumumkan bahawa 150,000 buah komputer riba akan diedarkan kepada pelajar kumpulan B40. Tiada seorang pun daripada kanak-kanak yang bersekolah di perkampungan Orang Asli Pulau Indah mendapat manfaat daripada skim tersebut.

Respons Kerajaan Malaysia terhadap pertanyaan-pertanyaan tentang usul didapati jelas, walaupun sebahagiannya tidak memenuhi kehendak Ahli Parlimen yang membawa usul tersebut. Contohnya dalam isu pendidikan pelarian, kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian memandangkan Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Oleh itu, komuniti ini tidak berhak menuntut apa-apa hak terhadap kerajaan Malaysia

45 KKDR Deb. 30 November 2023, bil. 34.

termasuk pendidikan. Dasar-dasar pendidikan sedia ada seperti Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 di bawah Akta Pendidikan 1996 hanya terdapat beberapa kaedah seseorang kanak-kanak bukan warganegara diterima di sekolah iaitu:

- (i) anak kakitangan kedutaan asing;
- (ii) anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
- (iii) anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau
- (iv) kanak-kanak yang dipilih oleh kerajaan kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan kerajaan kanak-kanak itu.

Ketiadaan dasar yang menyokong pendidikan dalam kalangan komuniti ini juga disebabkan tiada peruntukan secara khusus kepada pendidikan anak-anak pelarian di bawah Belanja Mengurus B.63, Kementerian Pendidikan.

Pun begitu, kerajaan dilihat mempunyai dasar yang lebih kondusif bagi kelompok warga tanpa dokumen⁴⁶. Jelas Menteri dalam ucapannya, pendidikan merupakan pendekatan yang terbaik untuk membolehkan mereka keluar daripada belenggu kemiskinan dan ketidakpastian. Dengan pendidikan yang berkualiti, mereka dapat hidup berdikari pada masa akan datang melalui pengetahuan yang diperoleh. Mereka juga akan memahami moral dan budaya masyarakat tempatan, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara kita.

Paling utama, pendidikan terhadap warga tanpa dokumen membantu mengelakkan masalah sosial yang lebih besar pada masa akan datang. Tanpa pendidikan, mereka mungkin terjerumus dalam kemiskinan, jenayah, dan pelbagai masalah sosial lain yang boleh menggugat kestabilan masyarakat kita. Menurut KPM, penambahan warga tanpa dokumen adalah berpunca daripada ibu bapa mereka yang tidak berkahwin secara sah mengikut undang-undang Malaysia. Akibatnya,

46 KKDR (n 44) 18.

mereka tidak memiliki sijil perkahwinan yang sah dan kelahiran anak-anak mereka pun tidak dapat didaftarkan.

Bagi menangani masalah dalam kalangan MBK, dasar dan program kerajaan dilihat komprehensif dari segi sukatan kurikulum. Hal ini dibuktikan dengan pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) pada tahun 2017. Selain itu, bagi menjawab berkenaan keperluan melatih MBK dengan kemahiran perniagaan, kerajaan berpandangan konsep Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dapat menangani keperluan ini. EMK secara umum bermatlamat mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan terutama berkait kemahiran bekerja.

Dari segi dasar pula, kerajaan telah mempunyai panduan jelas iaitu Dokumen Kurikulum Kemahiran Vokasional (DKKV) bagi MBK Kefungsian Rendah (MBK KR) yang dibina dengan mengadaptasikan konsep Pendidikan Vokasional Berasaskan Komuniti (PVBK). Kedua-duanya ini memastikan laluan kerjaya atau pekerjaan yang produktif kepada semua kategori MBK termasuklah MBK berkefungsian rendah.

Berdasarkan Dokumen DKKV MBK KR, terdapat empat komponen yang diterapkan. Komponen yang pertama ialah Penerokaan Alam Kerjaya. Komponen ini mendedahkan MBK secara ringkas kepada bentuk, jenis, dan persekitaran pekerjaan yang wujud dalam pasaran khususnya di sekitar komuniti sekolah dan kejiwaan mereka. Komponen kedua ialah Penilaian Vokasional. Komponen ini menilai keupayaan dan kesediaan MBK berdasarkan jenis tugas atau kemahiran yang bersesuaian dengan potensi individu mereka. Komponen ketiga pula ialah Latihan Vokasional. Komponen ini menentukan tahap kompetensi yang bersesuaian dengan potensi dan keupayaan individu murid. Manakala, komponen yang terakhir atau keempat ialah Pengalaman Vokasional. Komponen ini memberi ruang kepada MBK untuk menjalani latihan sebenar di tempat kerja untuk suatu tempoh yang dipersetujui bersama oleh pihak sekolah dan agensi atau industri yang terlibat.

Selain itu, kerajaan juga telah melaksanakan Program Transisi ke Kerjaya Murid Berkeperluan Khas. Program ini merupakan program pembangunan kemahiran dan sokongan MBK bermula daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 telah pun disediakan. Transisi murid MBK ke pasaran pekerjaan dipantau melalui Sistem e-Profil Kerjaya Murid (SePKM). Sistem ini memastikan setiap murid mempunyai profil hala tuju pendidikan dan kerjaya yang jelas sebelum meninggalkan

alam persekolahan serta memantau perkembangan murid selepas tamat persekolahan. Berdasarkan data pada tahun 2020, didapati 12.48% MBK bekerja sendiri iaitu seramai 517 orang daripada jumlah keseluruhan 4,143 orang MBK yang tamat persekolahan. Pada tahun 2021 pula, sebanyak 12.64% MBK bekerja sendiri iaitu seramai 567 orang daripada jumlah keseluruhan 4,487 orang MBK yang tamat persekolahan.

Bagi menangani masalah dalam kalangan Orang Asli, kerajaan telah sedia mempunyai dasar asas iaitu Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Transformasi ini untuk memastikan murid Orang Asli dan peribumi mendapat pendidikan yang terbaik. Selain itu, kerajaan juga mempunyai program khas iaitu Program Intervensi Murid Orang Asli dan Peribumi (PIKAP). PIKAP melibatkan tiga mata pelajaran utama pada Tahap 1 iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Matematik. Kesemua mata pelajaran ini mengandungi modul pembelajaran yang disesuaikan dengan persekitaran untuk meningkatkan minat murid Orang Asli dan peribumi kepada pembelajaran serta hadir ke sekolah.

Bagi menangani masalah literasi, kerajaan telah menggerakkan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) di 117 buah sekolah Orang Asli seluruh Malaysia. Program ini adalah bagi menyokong murid Orang Asli yang masih belum mencapai tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Selain PLaN, masalah literasi juga diatasi dengan pelbagai program antaranya Program Khas Murid Orang Asli (ProKhas) dan Chup Badui Sikulah (CBS). Program-program ini bertujuan memantapkan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M).

Menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Klang, KPM telah memberikan bantuan peranti digital lengkap sebanyak 150,000 unit dengan pelan data selama tempoh setahun di bawah inisiatif Tabung CERDIK kepada murid B40. Bantuan ini dikendalikan oleh Yayasan Hasanah. Selain pendekatan berbentuk bantuan dana, kerajaan menyarankan para guru untuk membuat tindakan proaktif bagi memastikan murid Orang Asli tidak tercicir dari segi pembelajaran semasa tempoh PdPR iaitu dengan melaksanakan kaedah PdPR.

Antara langkah yang dilakukan adalah dengan penghantaran tugasan di lokasi perkampungan Orang Asli selain penyerahan modul kepada setiap murid serta menyediakan buku kerja yang disediakan khas buat murid Orang Asli.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa Kamar Khas telah menjadi platform yang amat signifikan bagi Ahli-ahli Parlimen menyuarakan isu-isu pendidikan yang menggambarkan realiti pendidikan Malaysia pasca-COVID-19. Isu-isu ini amat jelas ditekankan dalam persidangan baik secara angka kekerapan mahupun pilihan jenis usul yang digunakan untuk menyampaikan isu. Kajian ini juga mendapati bahawa dalam isu pendidikan pasca-COVID-19, terdapat empat tema utama, iaitu isu infrastruktur, diikuti oleh isu ketersediaan dasar dan program, isu bantuan kewangan, serta sistem pendidikan malaysia pada peringkat global. Walau bagaimanapun, bagi analisis kandungan, kajian ini hanya memfokuskan kepada dua tema, iaitu infrastruktur institusi pendidikan serta dasar dan program pendidikan. Kedua-duanya didapati secara numerikal merupakan tema yang paling kerap diutarakan oleh Ahli-ahli Parlimen melalui saluran Kamar Khas.

Dalam isu infrastruktur, didapati pola kepadatan dan pertambahan penduduk merupakan faktor utama yang menjadikan isu infrastruktur menjadi permasalahan utama. Dari segi tindakan, kerajaan didapati mempunyai dasar dan mekanisme yang jelas sama ada untuk memenuhi permintaan pembinaan infrastruktur mahupun keperluan yang mendesak. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan penyelesaian yang diambil oleh kerajaan turut mendapat kritikan daripada Ahli-ahli Parlimen terutama dalam soal jarak.

Dari segi pertanyaan tentang dasar, didapati terdapat perhatian Ahli-ahli Parlimen terhadap kelompok marginal iaitu Orang Asli, kanak-kanak OKU, pelarian Palestin, serta warga tanpa dokumen yang terkait soal pendidikan. Walau sebahagian besar dasar-dasar dan program-program telah sedia ada menangani keperluan kelompok-kelompok ini, namun isu pendidikan terhadap kelompok pelarian masih menjadi kelompangan dalam memperkatakan akses pendidikan berkualiti yang inklusif, terangkum, dan mampan. Kajian berhasil merungkaikan keberkesanan Kamar Khas dalam usaha Reformasi Parlimen dan mencapai Matlamat ke-16 dan ke-17 SDG.

Rujukan

Awal, N., Bakar, K.A., Abdul Rahman, A.N.C., & Abdullah, I. H .
 “Representasi halal Dan Haram Dalam Wacana Parlimen Malaysia”,
 (2021), 21(4), *GEMA Online® Journal of Language Studies*. < <http://journalarticle.ukm.my/18529/>>

- Aziz, H., Husin, H., & Noor, S. F. M. "Perbahasan Ahli Parlimen Malaysia Terhadap Usul Pemisahan Singapura Dari Persekutuan Malaysia", (2023), 52(1) *Malaysia dari segi Sejarah*, <https://ejurnal.psm.org.my/index.php/Malaysia-dari-segi-Sejarah/article/download/7/7>
- Aziz, N., Muhamad, R. & Ahmad Zakuan, U.A., 'Peranan Perwakilan substantif Ahli Parlimen Wanita Dalam parlimen Malaysia Ke-13', (2024), 42(1), *Kajian Malaysia*. < [http://web.usm.my/km/42\(1\)2024/KM42012024_11.pdf](http://web.usm.my/km/42(1)2024/KM42012024_11.pdf)>
- Azmi, Z. Discoursing Women's Political Participation Towards Achieving Sustainable Development: The Case of Women in Parti Islam Se-Malaysia (PAS), (2020) 38, *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*. < [http://web.usm.my/km/38\(Supp.1\)2020/km38s12020_5.pdf](http://web.usm.my/km/38(Supp.1)2020/km38s12020_5.pdf)>
- Block, T., Goeminne, G., & Van Poeck, K, Balancing the urgency and wickedness of sustainability challenges: Three maxims for post-normal education. (2018), 24(9), *Environmental Education Research* <https://doi.org/10.1080/13504622.2018.1509302>
- Datta, S. K., & Rabbany, H. Sustainable Development Goals And Bangladesh: The Role Of Parliament, 2016, 6(7), *Journal of Development Research* <https://www.journalijdr.com/sustainable-development-goals-and-bangladesh-role-parliament>
- DR Deb 27 Mac 2014, Bil 12, 125 <
- Erskine May's Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament, 25rd edition, LexisNexis UK, 2023. 25rd edition. < <https://erskinemay.parliament.uk/information/updates/4>>
- Hassan, M. S., Hed, N. M., & Kamilan, I. H. "Parliamentary Reforms And Sustainable Development Goals (SDG): The Way Forward For An Inclusive And Sustainable Parliament". (2022), 28(4), *The Journal of Legislative Studies* < <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/13572334.2021.1893983>>
- Hauge, K. H., & Barwell, R. "Post-normal science and mathematics education in uncertain times: Educating future citizens for extended peer communities". (2017), *Futures*, 91, <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0016328717300484>
- J. Blondel, *Comparative Legislatures* (New Jersey, Prentice-Hall, 1973).

J.S. Mill, *Considerations on Representative Government* (United Kingdom, Parker, Son and Bourn, 1861).

KKDR Deb 10 Mac 2022, bil. 7

KKDR Deb 12 Disember 2024, bil. 67

KKDR Deb 15 Jun 2023, bil. 40

KKDR Deb 15 Jun 2023, bil. 40.

KKDR Deb 15 Mac 2022, bil. 9

KKDR Deb 16 Februari 2016, Bil 1, 1-2

KKDR Deb 16 November 2023, bil. 63

KKDR Deb 17 Oktober 2023, bil. 46

KKDR Deb 2 Disember 2024, bil. 60

KKDR Deb 2 Disember 2024, bil. 60

KKDR Deb 2 Disember 2024, bil. 60

KKDR Deb 2 November 2023, bil 56

KKDR Deb 23 Mei 2023, bil. 31

KKDR Deb 23 Mei 2023, bil. 31

KKDR Deb 25 Mac 2024, bil 16.

KKDR Deb 27 Februari 2024, Bil 1, 15

KKDR Deb 28 November 2023, bil. 69

KKDR Deb 31 Oktober 2023, bil. 54

KKDR Deb 31 Oktober 2023, bil. 54.

KKDR Deb. 16 November 2023, bil. 16

KKDR Deb. 30 November 2023, bil. 34

KKDR Deb. 30 November 2023, bil. 34

Kostakis, I., Angeletopoulou, P., & Polyzou, E. (2024). Women in parliaments: Can they enhance environmental sustainability in the EU?. (2024), 7 *Cleaner Production Letters*. <<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2666791624000113>>

- Liew, C. T., & Rashid, M. F. M. Lim Kit Siang dan Reformasi Parlimen Malaysia (2022), 2, *Journal of the Malaysian Parliament*. < <https://journalmp.parlimen.gov.my/jurnal/index.php/jmp/article/view/72/25>>
- M.F. Rashid, REFSA Briefing Paper 5 - Reformasi Parlimen: Tinjauan Tiga Tahun Penubuhan Kamar Khas di Malaysia (Kuala Lumpur, REFSA, 2020).
- Muhamad, R., Ahmad Zakuan, U.A. and Aziz, N. "Peranan Perwakilan Substantif Ahli Parlimen Wanita Dalam Parlimen Malaysia Ke-13", (2024), 42(1), *Kajian Malaysia*. <[http://web.usm.my/km/42\(1\)2024/KM42012024_11.pdf](http://web.usm.my/km/42(1)2024/KM42012024_11.pdf)>
- Mydin, N. M. B., & Sabaruddin, J. S. H. (2018). Suatu Kajian Perbandingan: Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan Oleh Menteri-Menteri Dan Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat. (2018), 3(1), *Sains Insani*. < <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/19>>
- N.Z. Abidin, & J.M. Jan, "A Pragmatic Analysis of Responses in Malaysian Parliamentary Discourse" (2022) 4(2) *Journal of Pragmatics Research*. < <https://www.e-journal.iainsalatiga.ac.id/index.php/jopr/article/view/6938>>
- Saari, M.. "Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia: Penilaian Kritikal terhadap Instrumen Semak dan Imbang Legislatif: (2023), 3 *Journal of the Malaysian Parliament*. < <https://journalmp.parlimen.gov.my/jurnal/index.php/jmp/article/view/96>>
- Shamrahayu Ab Aziz, "Peranan ahli parlimen dan sifat ketertinggian Perlembagaan" (Institut Kefahaman Malaysia, , 15 Oktober 2015) <https://www.ikim.gov.my/index.php/2015/10/05/peranan-ahli-parlimen-dan-sifat-ketertinggian-perlembagaan/> dilayari pada 10 Januari 2025.
- Staddon, A. Recommended Benchmarks For Democratic Parliaments. Fourteenth Workshop Of Parliamentary Scholars And Parliamentarians (2019, Wroxton Papers, Oxfordshire July 2019) < <https://wroxtonworkshop.org/wp-content/uploads/2019/07/2019-Staddon.pdf>>